

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR  
(POKOK SENA)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 09.03.2017**

**Y.B. DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR [ POKOK SENA ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan Khazanah Nasional yang bertanggungjawab mengendalikan Syarikat Penerbangan Malaysia, apa faedah yang diperoleh daripada kerjasama JV antara MAS dengan Lufthansa Technik Ag dari Jerman dalam mengurus kejuruteraan MAS.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia Airlines Bhd (MAB) pada 25 Mei 2016 telah mengumumkan satu usaha sama strategik dengan Lufthansa Technik AG untuk membangunkan pusat kecemerlangan serantau (*regional centre of excellence*) bagi

penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO) pesawat. Kemudahan MRO ini dicadang ditempatkan di kemudahan MAB sedia ada di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) khusus bagi menyediakan perkhidmatan MRO bagi pesawat Boeing 737 dan Airbus A320.

Tuan Yang di-Pertua,

Usaha sama strategik ini dijangka akan dapat meningkatkan kemahiran dan keupayaan teknikal serta pemindahan teknologi termasuklah peralatan teknikal yang bertaraf dunia kepada MAB dan negara. Kerjasama dengan Lufthansa Technik AG, salah satu syarikat MRO yang terunggul di dunia akan membolehkan MAB mengembangkan perkhidmatan MRO-nya kepada rantau ini. Selain itu, usaha sama ini juga akan menghasilkan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan. Buat masa kini, MAB dan Lufthansa Technik AG masih dalam proses rundingan sebelum sebarang perjanjian dimuktamadkan antara kedua-dua belah pihak.